

**BEBAN TUGAS GURU SEKOLAH MENENGAH
DI DAERAH BATU PAHAT, JOHOR DARUL TAKZIM**

AZITA BINTI ABDUL RAHIM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**BEBAN TUGAS GURU SEKOLAH MENENGAH
DI DAERAH BATU PAHAT, JOHOR DARUL TAKZIM**

AZITA BINTI ABDUL RAHIM

**Laporan Tesis Ini Dikemukakan
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat
Penganugerahan Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran)**

**Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia**

JUN 2012

Ku tujukan khas sekalung budi buat keluarga ku

*Suamiku yang dikasihi, **NUR HISHAMUDDIN BIN MOHAMAD***

*Ayahnda yang disayangi, **MOHAMAD BIN HJ ANUAR***

*Bonda yang diingati, **HASLAMMIAH BINTI HJ IJAM***

Segala jasa, pengorbanan, pandangan dan doa kalian akan ku kenang dalam

lipatan kenangan hidupku

serta

*Buat buat kekanda-kekandaku, **AZIAN BINTI ABDUL RAHIM, AHMAD SABKI***

***BIN ABDUL RAHIM dan RAZMAN BIN ABDUL RAHIM**, segala dugaan,*

cabaran dan kata-kata semangat yang sering

diberikan ketika ku berada di dalam keadaan yang sukar

tidak lupa

buat sahabat yang terlalu banyak membantu ketika ku buntu dan tertekan,

NURUL HANA BINTI ZAKARIA & WAN NURHAYATI WAN AHMAD

segala nasihat serta pandangan anda akan ku

kenang buat selamanya.

Kejayaan yang dicapai adalah milik kita semua.

InsyaAllah dan Terima Kasih

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Penyelia saya, Dr M. al- Muz-zammil Bin Yasin atas segala jasa baik beliau membimbing dan meluangkan masa untuk saya sepanjang tempoh menyiapkan penulisan ini. Segala teguran dan nasihat yang tidak jemu-jemu dicurahkan telah saya jadikan panduan dan azimat dalam meneruskan penulisan ini bagi menghasilkan sebuah karya yang terbaik. Tidak lupa juga kepada ahli keluarga terutama ibu bapa saya serta teman-teman seperjuangan yang tidak putus memberi sokongan, segala dorongan kalian amat saya hargai.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada pihak SMK Dato' Seth, SMK Yong Peng, SMK, Tun Ismail, SMK Senggarang dan SMK Tunku Mahmud Iskandar kerana sudi membantu saya dalam menyumbangkan maklumat, masa dan idea bagi menyiapkan laporan ini. Tanpa sokongan daripada mereka belum tentu saya dapat menyiapkan tugas ini dengan sempurna dan mencapai objektif-objektif yang dikehendaki. Tidak lupa juga kepada Puan Rukiah Bt Mahmud, Pengetua di SMK Dato' Seth yang merupakan tempat saya bertugas yang banyak bertolak ansur kepada saya dalam menjayakan laporan saya ini. Sokongan anda amat berharga buat saya.

Akhir sekali, penghargaan ini ditujukan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak dalam membantu menjayakan Projek Sarjana ini. Segala sokongan dan kerjasama yang dihulurkan adalah terlalu bermakna buat saya yang akan saya kenang hingga ke akhirnya. Ribuan kemaafan kepada semua pihak andai kata ada tersalah kata dan bicara yang tidak disengajakan. Sekian Wassalam.

ABSTRAK

Kajian ini merujuk kepada tahap beban tugas yang di tanggung oleh oleh guru-guru di dalam Daerah Batu Pahat. Kajian ini melibatkan lima buah sekolah di daerah Batu Pahat iaitu SMK Dato Seth, SMK Yong Peng, SMK Tun Ismail, SMK Senggarang dan SMK Tunku Mahmud Iskandar. Seramai 225 orang bilangan guru yang telah dipilih untuk menjadi responden bagi kajian ini. Data-data dikumpul berdasarkan soal selidik yang telah dibahagikan kepada empat bahagian iaitu (1) demografi, (2) beban tugas guru, (3) rungutan aduan dan (4) tindakan yang diambil oleh pentadbir untuk mengurangkan bebanan kerja. Data yang dikumpul kemudian telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif (min, purata dan peratus). Kajian telah menunjukkan bahawa bebanan kerja guru dan aduan guru-guru telah mencatatkan skor min tertinggi. Manakala kajian juga menunjukkan tindakan yang diambil oleh pihak pentadbir adalah dicatatkan dalam tahap min yang sederhana. Dalam kajian ini, beberapa cadangan juga telah dikemukakan untuk memperbaiki situasi ini berdasarkan keputusan dalam kajian.

ABSTRACT

This research was conducted to determine the level of workload born by the teachers in Batu Pahat District. This study involved five schools in the District of Batu Pahat, the SMK Dato Seth, SMK Yong Peng, SMK Tun Ismail, SMK Senggarang and SMK Tunku Mahmud Iskandar. A total of 225 people the number of teachers were chosen as respondents in this study. The data were collected using a questionnaire consisted of four parts studied, (1) demography, (2) teacher workload, (3) teachers complaint and dissatisfaction and (4)actions taken by the administrator to reduce the workload. The data collected were then analyzed using descriptive statistics (mean, average and percentage). The findings showed that the teachers' workload and complaints were scored at high level. Meanwhile the study showed that actions taken by the administrator to reduce the workload was scored at moderate mean level. Some suggestions were proposed to improve the situation based on the findings in this study.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRAK	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xvi
	SENARAI SIMBOL	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
1	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	11
	1.4 Objektif Kajian	13
	1.5 Persoalan Kajian	13
	1.6 Rational Kajian	14

1.7	Kepentingan Kajian	15
1.7.1	Kepentingan Kepada Guru-guru	15
1.7.2	Kepentingan Kepada Pentadbir Sekolah	15
1.7.3	Kepentingan Kepada Pihak Jabatan Pelajaran	15
1.8	Skop Dan Batasan Kajian	16
1.9	Definisi Konsep	16
1.9.1	Beban Tugas	17
1.9.2	Rungutan Ketidakpuasan Hati Guru	17
1.10	Rumusan	18

2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	19
2.2	Tugas Guru	19
2.3	Beban Tugas	21
2.4	Kajian-Kajian Lepas	24
2.4.1.	Pengkaji-Pengkaji Tempatan	24
2.4.2.	Pengkaji-Pengkaji Luar Negara	26
2.5	Kesimpulan	26

3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	27
3.2	Rekabentuk Kajian	28
3.3	Tempat Kajian	29
3.4	Populasi Dan Sampel Kajian	29
3.5	Instrumen Kajian	32
3.6	Kajian Rintis	33
3.7	Prosedur Kajian	42
3.8	Analisis Data	42

3.9	Kesimpulan	45
-----	------------	----

4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	46
4.2	Responden Kajian	47
4.3	Latar Belakang Demografi Responden	49
4.3.1	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	49
4.3.2	Taburan Responden Berdasarkan Umur	50
4.3.3	Taburan Responden Berdasarkan kaum	50
4.3.4	Taburan Responden Berdasarkan Status Perkahwinan	51
4.3.5	Taburan Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar	52
4.3.6	Taburan Responden Berdasarkan Bilangan Mata Pelajaran Yang diajar	53
4.4	Beban Kerja Yang Dijalankan Oleh Guru	54
4.4.1	Beban Kerja Guru Dalam Pentadbiran	54
4.4.2	Beban Kerja Guru Dalam Pengajaran Dan Pengurusan Kelas	56
4.4.3	Beban Kerja Guru Dalam Tugas Sampingan	58
4.5	Analisis Tahap Beban Kerja Guru Secara Keseluruhan	59
4.6	Analisis Tahap Rungutan Ketidakpuasan Hati Guru	61
4.7	Analisis Tahap Tindakan Pihak sekolah Dalam Mengurangkan Rungutan dan Rasa Tidakpuas Hati Guru-Guru	64
4.8	Rumusan Analisis	66

4.9	Kesimpulan	67
-----	------------	----

5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	69
5.2	Perbincangan Hasil Kajian	71
5.2.1	Keputusan Perbincangan Persoalan Kajian Pertama Iaitu Sejauhmanakah Beban Tugas Yang Dilakukan Oleh Guru-Guru Dalam Aspek Pentadbiran Dan Pengurusan Sekolah, Pengajaran Dan Pengurusan Kelas Dan Di Dalam Tugas Sampingan.	72
5.2.1.1	Perbincangan Dapatan Kajian Bagi Tahap Beban Tugas Guru Dalam Pentadbiran	73
5.2.1.2	Perbincangan Dapatan Kajian Bagi Tahap Beban Kerja Guru Berdasarkan Elemen Pengajaran dan Pengurusan Kelas	74
5.2.1.3	Perbincangan Dapatan Kajian Bagi Tahap Beban Kerja Guru Berdasarkan Elemen Tugas Sampingan	76
5.2.2	Keputusan Perbincangan Persoalan Kajian Kedua Iaitu Ketidakpuasan Hati Yang Sering Disuarakan Oleh Guru Berkaitan Pelaksanaan Beban Tugas.	77
5.2.3	Keputusan Perbincangan Persoalan Kajian Ketiga Iaitu Apakah Tindakan Pihak sekolah Bagi Mengurangkan Rungutan Ketidakpuasan hati Guru-Guru	78
5.3	Rumusan Kajian	79
5.4	Cadangan Kajian	81
5.4.1	Cadangan Penambahbaikan Kepada Masalah Beban Tugas Guru	81

5.4.2	Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang Untuk Kajian Lanjutan	84
5.5	Penutup	85

SENARAI RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Contoh Senarai Bidang Tugas Guru di Salah Sebuah Sekolah Yang Dikaji	30
3.2	Bilangan Guru Di sekolah Menengah Daerah Batu Pahat Yang Membuat Set Soalan Borang Soal Selidik	31
3.3	Bilangan Pulangan Responden Mengikut sekolah	32
3.4	Nilai Pekali Kebolehpercayaan <i>alpha Cronbach</i>	34
3.5	Pembetulan Item Beban Tugas Guru Dalam Dimensi Pentadbiran	34
3.6	Pembetulan Item Beban tugas Guru Dalam Dimensi Bebanan Tugas Guru Dalam Pengajaran Dan Pengurusan Kelas	36
3.7	Pembetulan Item Beban Tugas Guru Dalam Dimensi Beban Tugas Dalam Tugas sampingan	37
3.8	Pecahan Dimensi Di Dalam Elemen Beban Tugas Guru	40
3.9	Skor Untuk Tahap Persetujuan	43

3.10	Skala bagi Min Untuk Tahap Kelompok Persetujuan	43
3.11	Pemarkatan Min Untuk Tahap Beban Tugas	44
4.1	Taburan Soal Selidik Responden Mengikut Sekolah	48
4.2	Taburan Responden Berdasarkan Jantina	49
4.3	Taburan Responden Berdasarkan Umur	50
4.4	Taburan Responden Berdasarkan Kaum	50
4.5	Taburan Responden Berdasarkan Status Perkahwinan	51
4.6	Taburan Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar	52
4.7	Taburan Responden Berdasarkan Bilangan Mata Pelajaran Yang Diajar	53
4.8	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Responden Terhadap Bebanan Kerja Guru Dalam Pentadbiran	55
4.9	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Responden Terhadap Bebanan Kerja Guru Dalam Pengajaran Dan Pengurusan Kelas	56
4.10	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Responden Terhadap Bebanan Kerja Guru Dalam Tugas Sampingan	58
4.11	Maklumbalas Responden Terhadap Bebanan Tugas Guru Secara Keseluruhan	60

4.12	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Responden Terhadap Rungutan Ketidakpuasan Hati Guru	61
4.13	Taburan Kekerapan, Peratusan Dan Min Responden Terhadap Tindakan Pihak Sekolah Dalam Mengurangkan Rungutan Dan Rasa Tidak Puashati Guru-Guru	64

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
3.1	Skala <i>Likert</i>	42
4.1	Taburan Responden Mengikut Sekolah	47
4.2	Beban Tugas Yang Dijalankan Oleh Guru	59

SENARAI SIMBOL

SPSS	<i>Statistical Packages for Social Sciences</i>
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
f	Nilai Frekuensi
%	Nilai Peratus

SENARAI LAMPIRAN

NO.LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Borang Soal Selidik	
B	Jadual populasi dan sampel Krejcie & Morgan, (1970)	
C	Salinan surat kebenaran menjalankan kajian dari Kementerian Pelajaran Malaysia	
D	Salinan surat pengesahan status pelajar UTM	
E	Salinan Analisis Alpha Cronbach	
F	Salinan Analisis Keseluruhan Data	

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tugas guru semakin banyak dan mencabar. Tugas guru yang paling penting sebenarnya adalah untuk melahirkan modal insan yang berkualiti. Peranan guru juga ialah membentuk generasi muda yang berdaya saing dan secara tidak langsung dapat berbakti kepada negara dalam bidang politik ekonomi dan sosial. Tanggungjawab yang pelbagai ini juga secara tidak langsung memberikan tekanan kepada guru. Jika dahulu kemungkinan hanya sesetengah guru tertentu sahaja yang akan terbeban dengan tugas sebagai pendidik seperti guru mata pelajaran peperiksaan utama, guru yang menjawat jawatan penting di sekolah dan guru yang terpaksa bertugas selepas waktu kelas seperti jurulatih sukan. Realitinya sekarang, situasinya sudah berubah seiring dengan perkembangan globalisasi pendidikan. Kementerian Pendidikan sememangnya berusaha untuk memartabatkan bidang pendidikan. Ini terbukti dengan wujudnya Teras Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. Teras ini bertujuan membangunkan Modal Insan, Membina Bangsa Negara, Memartabatkan Profesion Keguruan, Merapatkan Jurang Pendidikan dan Melonjakkan Kecemerlangan Institusi Pendidikan.

Selaras dengan keperluan bagi membangunkan masyarakat Malaysia yang berasaskan nilai-nilai yang baik, Kementerian Pendidikan Malaysia telah merancang semula kurikulum baru untuk menggantikan kurikulum lama yang didapati ada kekurangan di dalamnya. Pada peringkat persekolahan menengah, kurikulum lama itu diganti dengan kurikulum baru yang dinamakan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

Omar (1993), menyatakan guru merupakan peneraju utama dalam bidang pendidikan, tanggungjawab mereka bukanlah sekadar menyampaikan ilmu pengetahuan kepada para pelajarnya sahaja, tetapi tanggungjawab atau perjuangan mereka yang lebih besar adalah untuk menyuburkan akhlak dalam jiwa anak-anak di bawah didikan mereka. Dalam dimensi yang lain pula, para guru juga memikul tanggungjawab sebagai pemimpin tempatan serta golongan yang bersedia untuk menyampaikan sesuatu yang baik kepada masyarakat. Mohd. Ishak (1995), menyatakan guru yang larikan diri daripada masalah tidak dapat mengurangkan beban yang ditanggung oleh mereka, sebaliknya ia akan memperbanyakkan masalah yang ada serta mewujudkan masalah baru.

Sekolah merupakan sebuah institusi yang penting. Ini kerana ia melambangkan perhubungan dan perubahan tingkah laku pelajar-pelajar mengikut arah dan kehendak masyarakat. Sedikit sebanyak, guru terpaksa menggalas tanggungjawab memastikan kehendak masyarakat tercapai. Namun begitu ada juga sesetengah pihak yang mempertikaikan tentang beban tugas guru dan peranan sekolah. Ini berikutan ada guru yang masih sempat melibatkan diri dengan aktiviti jualan langsung atau MLM, sempat membuka kedai makan, menjadi guru di pusat-pusat tuisyen dan pelbagai kerja sampingan yang lain yang tidak berkaitan dengan bidang pendidikan (Utusan Malaysia, 16 April 2010, m.s.4). Walaupun segelintir guru membuat kerja sampingan yang tiada kaitan dengan sekolah, itu tidak boleh dijadikan kayu ukur dalam mengatakan guru ini tidak terbeban dengan tugas di sekolah. Berkemungkinan guru ini mempunyai tanggungan yang besar dan memaksa diri untuk melakukan tugas sampingan bagi mengatasi masalah kewangan.

Jika dilihat sekarang, pelbagai reformasi telah dilaksanakan dalam sistem pendidikan di Malaysia dan ini sudah pasti menjadikan tanggungjawab dan peranan guru jadi lebih kompleks dan mencabar. Kelangsungan agenda untuk memartabatkan pendidikan negara tidak boleh dipisahkan daripada aspirasi negara yang terkandung dalam Akta-akta Pendidikan, Rukun Negara, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Wawasan 2020.

Guru-guru juga menjadi semakin terbeban apabila pihak atasan terus menagih hasil murid yang lebih berkualiti setiap tahun. Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail mahu para guru bersedia melakukan transformasi bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara. Sehubungan itu, para guru perlu bersedia berubah daripada amalan tugas biasa ke tahap yang berprestasi tinggi, sentiasa berkorban masa dan tenaga dan telus dalam tugas mereka (Utusan Malaysia, 13 Jan. 2011, m.s.2). Mutu dan kualiti pengajaran guru akan terkesan akibat daripada penambahan beban tugas guru. (Abd. Rahim, 2000).

Para guru disaran supaya sentiasa mengekalkan integriti sepanjang mendidik anak bangsa agar terus dihormati oleh masyarakat. Guru juga perlu mempersiapkan diri dari segi fizikal dan mental memandangkan skop kerjaya mereka semakin berkembang, sesuai dengan peredaran zaman. Tugas guru kini tidak hanya berfokus untuk memastikan pelajar mendapat keputusan yang cemerlang sahaja, malahan kini guru menjadi 'role-model' kepada pelajar dalam menjalani kehidupan seharian (Utusan Malaysia, 6 Jun 2010, m.s. 1).

1.2 Latar Belakang Masalah

Telah hampir setahun penubuhan Jawatankuasa Khas bagi mengkaji beban tugas berlebihan yang di tanggung oleh guru di seluruh negara diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Pengumuman ini merupakan perkhabaran

gembira buat seluruh guru namun sehingga kini para guru masih menanti dengan penuh debaran kerana tiada sebarang perkembangan berkaitan penubuhan Jawatankuasa Khas tersebut. Para guru ingin mengetahui apakah metodologi kajian yang akan atau telah digunakan oleh Jawatankuasa Khas tersebut sama ada melalui kaji selidik, temubual ataupun menggunakan teknologi terkini. Jika melalui soal selidik, tiada sebarang borang soal selidik yang diberikan kepada guru, jika melalui temubual pula, bilakah masanya guru-guru ini akan diberi peluang menyatakan masalah mereka dan jika menggunakan teknologi terkini, apakah nombor telefon khas atau email yang boleh dihubungi oleh para guru.

Tugas guru yang semakin rumit dan mencabar pasti mengundang tekanan kepada guru-guru. Tugas yang asalnya merupakan satu bentuk tanggungjawab kini dirasakan oleh guru sebagai satu bentuk bebanan kerja. Ini pasti mengundang ketidakselesaan kepada guru-guru. Mereka melaksanakan kerja secara terpaksa dan pastinya hasil kerja guru ini tidak tidak seperti yang diharapkan. Menurut Ibrahim (1982), menyatakan terdapat perbezaan dalam komitmen guru-guru pada zaman dahulu dan sekarang akibat perubahan keadaan dan sistem nilai. Sebagai anggota masyarakat, guru-guru juga tidak terlepas daripada pelbagai cabaran termasuk bebanan kerja, masalah kewangan dan pelbagai urusan kehidupan yang lain.

Selain daripada bebanan tugas yang semakin banyak, guru-guru juga dilihat kurang mendapat rehat yang cukup. Ini berdasarkan pemerhatian yang dibuat, rata-rata sekolah ada melaksanakan aktiviti setiap kali hari Sabtu. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah aktiviti bersama pelajar seperti kelas tambahan, latihan sukan, mengemas kelas, aktiviti kelab dan persatuan serta aktiviti guru bersama pihak pentadbir seperti Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP). Selain itu, pihak kaunseling sekolah akan menjemput penceramah jemputan untuk menyampaikan pelbagai isu. Pentadbir sekolah juga lebih selesa menggunakan hari Sabtu untuk membuat sebarang taklimat. Adakalanya hari Ahad juga akan digunakan untuk melaksanakan program contohnya ialah aktiviti perkhemahan. Hari Isnin, guru-guru ini akan melaksanakan rutin persekolahan iaitu mengajar. Ini sedikit sebanyak tanpa disedari dapat menurunkan kualiti guru.

Beban tugas yang berat dan kualiti masa yang semakin terhad boleh menjejaskan prestasi guru-guru. Menurut Sabhita Begum menyuarakan pandangannya dalam artikel:-

“ Seseorang yang menghadapi tekanan hidup akan meletakkan jawatannya atau menunjukkan sikap, kebosanan dalam kerjayanya. Dia tidak akan ambil atau mempunyai apa-apa perasaan terhadap kerjayanya dalam menjalankan kerjayanya itu.”

(Mastika, Julai 1998 : 24-26)

Selain daripada masa rehat yang kurang, yang menyebabkan guru rasa terbeban, faktor lain yang menyumbang kepada beban tugas guru ialah penggunaan ICT dalam pendidikan. Dahulu mungkin hanya segelintir sahaja guru-guru yang terlibat dengan penggunaan teknologi ini, tapi kini semua guru perlu tahu menggunakan ICT. Pelbagai urusan terutamanya berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran akan menggunakan elemen komputer untuk menyelesaikan sesuatu bidang tugas. Antaranya guru-guru kini terpaksa memasukkan markah ujian bukan sahaja diperingkat sekolah, tetapi terpaksa juga markah ini dieksport ke Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian Pendidikan. Sistem yang digunakan ini dikenali sebagai SAPS. Guru-guru baru mungkin tidak menghadapi banyak masalah, tetapi untuk guru-guru yang telah berkhidmat melebihi 20 tahun sebilangannya menghadapi masalah dalam penggunaan komputer. Mereka terpaksa mengambil masa untuk mempelajari komputer. Bukan itu sahaja, perkembangan pelajar-pelajar juga perlu diambilkira. Pelajar-pelajar kini lebih berpengetahuan terutamanya dalam bidang teknologi. Guru-guru perlu setanding dengan pelajar dalam menguasai teknologi. Antara yang boleh dilaksanakan oleh guru-guru dalam penggunaan teknologi ialah memberi latihan melalui email, penggunaan LCD dalam pengajaran atau boleh juga menggunakan *skype*.

Menurut Sufean (1996) dalam Nortini (2002), Pentadbiran menjadi semakin kompleks apabila terdapat kemajuan dalam pelajaran. Guru di samping tugas asasnya mengajar dan mendidik, dibebankan dengan banyak tugas-tugas lain. Guru, terutamanya guru kelas dikehendaki memproses pungutan yuran, mengendali permohonan skim pinjaman buku teks, biasiswa, kegiatan persatuan, gerak kerja ko-kurikulum, aktiviti sukan, persatuan ibubapa dan guru dan seterusnya sibuk menghadiri berbagai-bagai mesyuarat. Guru juga kadang-kadang terpaksa bertindak sebagai kerani dalam melaksanakan tugas.

Guru semakin tertekan dengan tugas-tugas yang banyak. Ia ditambah lagi dengan ura-ura untuk menambahkan lagi masa bekerja guru kepada sembilan jam. Kira-kira 5000 guru dari hampir 104 buah sekolah di seluruh negara akan menjadi perintis kepada sistem waktu bekerja sembilan jam mulai Januari 2012 (Utusan Malaysia. 12 November 2011, m.s, 1,5). Waktu bekerja baharu ini akan dilaksanakan di empat buah negeri iaitu Pahang, Melaka, Johor dan Sarawak. Walaubagaimanapun pihak Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) berpendapat waktu bekerja tersebut tidak sesuai diamalkan di sekolah kerana bimbang guru akan lebih tertekan dengan perubahan waktu bekerja baharu ini. Waktu bekerja sembilan jam sehari di sekolah terpilih itu akan dilaksanakan dua sesi iaitu 7.30 pagi hingga 4.30 petang dan 1.30 petang hingga 6.30 petang. Menurut Timbalan Kesatuan Perkhidmatan Pengurusan Kebangsaan (KPPK), P.Ramanathan, menyatakan beban kerja guru yang semakin meningkat perlu dibuat kajian semula (Utusan Malaysia, 13 Februari 1995, m.s. 1,3).

Jika dikaji, guru sudah cukup tertekan dengan bidang tugas yang sedia ada. “selain bertugas sebagai pendidik, guru juga turut dibebani dengan tugas perkeranian termasuk mengisi data dan sebagainya. Malah ada masanya guru terpaksa bertugas Sabtu dan Ahad untuk aktiviti badan beruniform, sukan dan kelas tambahan” (Utusan Malaysia, 12 November 2011, m.s.1,5). Jemali Paiman, pengerusi Majlis Pemuafakatan Kesatuan Guru Malaysia mencadangkan supaya diwujudkan satu jawatan baru di sekolah iaitu staf sokongan yang ditugaskan merekod data. Syor ini jika dipandang daripada sudut positif ada kebenarannya.

Daeng Ramli (1993), menyenaraikan beberapa faktor menyebabkan berlakunya beban tugas di kalangan guru-guru iaitu:-

- 1.2.1 Pengagihan tugas yang tidak seimbang diantara guru dalam setahun.
- 1.2.2 Sikap pentadbir yang suka pilih kasih dan bersikap tidak adil terhadap guru-guru tertentu.
- 1.2.3 Desakan masyarakat yang kecewa dengan sikap anak mereka yang terlibat dengan gejala negatif.
- 1.2.4 Sikap penaja yang menggunakan sekolah untuk melaksanakan strategi pengiklanan.
- 1.2.5 Tugas sampingan sering dibebankan ke bahu guru-guru oleh beberapa pihak atasan.
- 1.2.6 Tugas sampingan secara mendadak atau bidan terjun.

(Dewan Masyarakat, Feb. 1993 : 55-56)

Menurut Abd. Rahim (2000), menyatakan timbul perasaan ketidakpuasan hati bekerja (*job dissatisfaction*) di kalangan guru dalam profesion perguruan sejak kebelakangan ini. Ini disebabkan meningkatnya beban kerja dan jangkaan yang berbeagai-bagai untuk dilakukan oleh guru. Fenomena ini juga mendorong ramai guru ingin berhenti kerja dan memohon untuk pilihan bersara daripada profesion ini.

Ketidakupayaan guru untuk berdaya tindak ke atas isu-isu pendidikan di dalam dunia yang pesat berubah menyebabkan banyak guru mengalami tekanan yang hebat. Gelombang pembangunan pesat yang berlaku di negara ini dan seluruh dunia menyaksikan cabaran dan tekanan yang dihadapi oleh guru semakin meningkat. Guru-guru kini terpaksa berhadapan dengan perubahan demi perubahan dalam bidang pendidikan sehingga wujudnya beban yang keterlaluan (Utusan Malaysia, 19 Ogos 2005, m.s.1). Beban tugas

guru boleh diukur dengan mengira jumlah masa yang digunakan bagi melakukan sesuatu kerja (Muhammad Shukri 1998).

Guru juga terpaksa menjalankan tugas yang pelbagai di sekolah. Jika kita lihat antara skop tugas guru merangkumi pengurusan hari sukan, Hari ko-kurikulum, Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), hari terbuka, musim peperiksaan, pertandingan peringkat daerah dan negeri, minggu suai kenal dan pelbagai lagi. Tugas guru kini lebih luas kerana semua pihak mengharapkan guru-guru ini dapat membentuk masyarakat yang lebih berkualiti. P&P bukan lagi menjadi fokus utama guru-guru. Tugas lain juga turut menuntut guru-guru ini bekerja dengan lebih kuat. Ini menyebabkan perasaan ketidakpuasan hati timbul kerana beban kerja yang banyak terpaksa dipikul oleh guru menyumbang kepada masalah tekanan. Bagi kebanyakan guru, tugas mereka tidak hanya dalam akademik tetapi lebih kepada tugas bukan akademik.

Mengikut laporan Berita Harian bertarikh 15 Januari, 1997 menyatakan guru terbeban dengan tugas-tugas yang semakin banyak. Namun masyarakat mengatakan beban tugas ini sememangnya merupakan tanggungjawab guru. Kenyataan ini timbul berikutan masyarakat kurang faham tentang beban tugas yang ditanggung oleh guru-guru. Mereka mungkin tidak peka mengenai situasi sebenar kerja mendidik ketika ini yang bukan sekadar kerap perlu bekerja melebihi masa yang sepatutnya, malah dibebani dengan longgokan kerja yang adakalanya tidak dapat diselesaikan di sekolah dan terpaksa pula dibawa hingga ke rumah. Akibat daripada beban kerja yang melampau dan sikap masyarakat memandang remeh mengenai bebanan profesion perguruan, akhirnya guru-guru menjadi mangsa keadaan dan terus dipersalahkan kerana tidak mampu berdaya saing dengan bidang kerja yang lain.

Majoriti guru berasa tidak puashati dengan bebanan kerja yang banyak. Antara faktor-faktor tersebut ialah pentadbir yang kurang memahami masalah guru, kerja-kerja perkeranian yang tidak pernah habis, masalah pengurusan bilik darjah, tidak ada kerjasama

daripada murid-murid dan hubungan antara kakitangan di sekolah. Tugas guru bukan sahaja mengajar dan mendidik tetapi terpaksa juga melakukan tugas-tugas tambahan seperti kerja mentadbir, perkeranian, pembantu makmal, tukang kebun atau pembantu am rendah yang sepatutnya dilakukan oleh orang lain tetapi terpaksa dilakukan oleh guru-guru (Minda pengarang, Berita Harian, 15 Januari 1997 m.s 3).

Menurut hasil kaji selidik Jabatan Kesihatan Masyarakat Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), lambakan beban kerja dan kerap mendapat tugas di luar waktu pejabat merupakan antara penyebab yang penyumbang kepada stres atau tekanan (Berita Harian, 27 September 2011, m.s. 1). Di dalam kajian yang dijalankan, jelas menunjukkan guru menduduki tangga keempat selepas polis, pegawai penjara dan bomba yang mengalami bebanan stres.

Ledakan era globalisasi menuntut warga pendidik untuk sama-sama bergerak dalam membangunkan diri dan 'industri' pendidikan. Ia perlu diikuti sama ada secara rela atau tidak dalam bidang pendidikan yang sering berubah-ubah dan sering diperbaharui dari masa ke semasa. Situasi inilah secara tidak langsung mengheret warga pendidik berhadapan dengan pelbagai tugas yang mencabar dan berat. Ini menyebabkan warga pendidik semakin terbeban dengan kerja dalam bidang pendidikan. Ketidakupayaan guru untuk berdaya tindak ke atas isu-isu pendidikan di dalam dunia yang pesat berubah menyebabkan banyak guru mengalami tekanan yang hebat. Gelombang pembangunan pesat yang berlaku di negara ini dan seluruh dunia menyaksikan cabaran dan tekanan yang dihadapi oleh guru semakin meningkat. Dalam menghadapi tekanan akibat bebanan kerja ini, guru-guru perlulah rasional, pihak sekolah pula perlulah memikirkan resolusi dalam membantu guru mengatasi masalah bebanan kerja dan terakhir ialah peranan kerajaan juga tidak terkecuali. Kerajaan boleh membantu meringankan bebanan kerja guru dengan cara menitikberatkan kebajikan guru dan memberi lebih pertimbangan dalam melaksanakan mana-mana dasar baru.

Pihak sekolah perlu mengambil berat berkaitan bebanan tugas seseorang guru di sekolah. Intensif perguruan, gangguan hubungan komunikasi antara kakitangan pendidikan, faktor persekitaran tempat kerja, latihan, bebanan mengajar atau kerja, kursus perguruan yang banyak, status guru, jumlah murid yang ramai, waktu kerja yang tidak terhad dan perasaan minat terhadap profesyen perguruan dalam masyarakat merupakan punca timbulnya tekanan di kalangan guru (Noor Hassim et al. 2010). Melalui pandangan tersebut membuktikan faktor bebanan mengajar atau kerja ini termasuk dalam punca-punca tekanan. Masalah mulai timbul apabila pihak sekolah hanya memandangi tuntutan guru berkaitan beban tugas yang dihadapi. Apabila dipersoalkan berkaitan beban tugas, pihak sekolah hanya menyatakan tugas yang diberi perlu dilaksanakan dan setiap pembaharuan yang dibuat adalah mengikut arahan pihak atasan.

Kebanyakan pandangan yang diberikan oleh guru-guru dalam sesi temubual yang dibuat menunjukkan mereka sebenarnya tertekan dengan tugas-tugas perkeranian yang terlalu banyak. Akibat daripada guru-guru terlalu mengejar waktu untuk menyiapkan dokumen-dokumen yang perlu, tugas utama guru iaitu pengajaran dan pembelajaran (P&P) akhirnya terabai. Kesan yang paling ketara adalah kepada murid-murid. Guru-guru tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada murid-murid. Setiap kelemahan murid tidak dapat diperbetulkan sepenuhnya kerana guru-guru lebih fokus untuk menghabiskan silibus terlebih dahulu. Apabila silibus telah berjaya dihabiskan dan kerja-kerja perkeranian yang lain tidak banyak barulah guru-guru ini berkesempatan melihat semula di manakah kelemahan pelajar. Di sini kita terpaksa mengakui kerja-kerja pentadbiran sememangnya mengganggu tugas hakiki guru-guru di Malaysia.

Akibat daripada tertekan dengan bebanan tugas yang terlalu banyak, fenomena baru muncul iaitu ada guru mengambil keputusan drastik iaitu bersara lebih awal daripada umur persaraan wajib iaitu 55 tahun. Tindakan guru-guru yang bersara awal ini juga sering dikaitkan dengan perubahan-perubahan kurikulum baru yang sering dibuat dalam sistem pendidikan Malaysia. Guru sendiri dan persekitaran proses pembelajaran itu

tidak disediakan dengan sempurna bagi menghadapi perubahan yang ingin dilaksanakan (Syed Sofian dan Rohany, 2010).

1.3 Penyataan Masalah

Guru terbeban dengan tugas-tugas yang banyak. Sistem pendidikan yang sering berubah-ubah menuntut setiap guru sentiasa peka dengan keadaan sekeliling. Perubahan yang sering dilaksanakan oleh kerajaan adalah untuk memastikan sistem pendidikan negara kita sentiasa berada di tahap yang membanggakan dan mampu bersaing dengan negara-negara maju yang lain. Bukan sahaja kerajaan, masyarakat sekeliling juga mengharapkan guru dalam memastikan anak-anak mereka berjaya dalam kehidupan mereka. Pelbagai pendapat disuarakan oleh ibubapa melalui PIBG terutamanya dalam merancang program-program kecemerlangan dalam memastikan kejayaan anak mereka. Apabila sesuatu program baru dilaksanakan, maka secara automatik bebanan kerja guru juga turut bertambah. Masyarakat merasakan hanya guru yang boleh melaksanakan pembaharuan yang ingin dilaksanakan.

Setiap guru juga perlu menjalankan tugas yang pelbagai di sekolah. Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2007, antaranya bidang tugas guru adalah dalam pengajaran dan pembelajaran atau P&P (kurikulum), Ko-kurikulum (sukan/kelab/persatuan/badan beruniform), Pengurusan Hal Ehwal Murid (HEM), Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran serta kewangan, Pembangunan Fizikal, Pembangunan Staf dan Hubungan Komuniti. Pecahan setiap satu tugas itu yang menjadikannya banyak dan secara tidak langsung menambahkan beban kerja guru. Contohnya dalam P&P, seseorang guru itu sekurang-kurangnya perlu mengajar 22 waktu seminggu, tetapi ada juga guru yang perlu mengajar 30 waktu seminggu. Ini mungkin terjadi akibat daripada masalah kekurangan guru yang boleh mengajar subjek tersebut, contohnya subjek Pendidikan Islam. Selain itu peranan guru juga merangkumi mengemaskini buku rekod mengajar,

menyediakan Rancangan Pelajaran mengikut subjek yang diajar, menyediakan latihan untuk murid dengan secukupnya, memeriksa buku latihan murid, menjalankan ujian bulanan, mengesan kelemahan murid dan membuat kelas pemulihan serta menghadiri mesyuarat atau taklimat. Ini baru dalam bidang P&P, belum termasuk Ko-kurikulum, Pengurusan Hal Ehwal Murid (HEM) dan tugas-tugas sampingan lain seperti menyediakan program-program khas untuk peningkatan prestasi pelajar dan sebagainya.

Kebanyakan guru berasa tidak puashati dengan beban kerja yang banyak. Melalui temubual bersama guru yang dilakukan di daerah Batu Pahat, menunjukkan bahawa rata-rata guru di daerah ini menyatakan mereka terbeban dengan bidang tugas yang semakin menekan. Ada guru yang menyatakan, masa mereka lebih banyak dihabiskan dalam menyelesaikan tugas sekolah. Akibatnya masa berkualiti bersama keluarga terpaksa dikorbankan. Malangnya rasa tidak puashati guru ini hanya berlegar-legar sesama rakan sejawat sahaja. Tidak ada saluran khas dalam memastikan isu ini didengari oleh pihak-pihak yang berkenaan dan seterusnya tindakan penyelesaian dapat dilaksanakan. Masalah guru sebenarnya perlu ditangani dengan bijak kerana guru merupakan komponen penting dalam agen pentadbiran.

Ada sekolah yang mengambil berat kebajikan guru-guru sedaya upaya memastikan beban tugas diberikan secara adil. Jadi guru-guru akan berasa mereka tidaklah ditindas. Namun begitu kebanyakan sekolah sering mengambil tindakan lepas tangan dalam menangani isu beban tugas guru. Pihak sekolah ini menyatakan setiap tugas yang diberikan kepada seseorang guru berdasarkan kredibiliti guru tersebut. Jika guru ini cemerlang dan cepat melaksanakan tugas, maka lebih banyak tugas yang bakal menunggu guru tersebut. Guru yang melaksanakan kerja sambil lewa akan terus terselamat daripada melaksanakan tugas lain. Faktor inilah yang menyumbang kepada penurunan kualiti perkhidmatan guru. Sebenarnya peranan guru amat penting dan boleh lah dikatakan system pendidikan akan lumpuh sekiranya guru tidak menjalankan fungsinya yang sebenar. Keberkesanan dan prestasi sememangnya bergantung sepenuhnya kepada kualiti seseorang guru.

1.4 Objektif Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini membolehkan kita mengetahui dan mengenalpasti kebolehan serta kekuatan yang ada pada seseorang guru dalam menghadapi isu bebanan tugas di samping dapat mencari jalan penyelesaian dalam menangani isu bebanan tugas jika situasi ini berlaku.

- 1.3.1 Menenalpasti tahap beban tugas guru yang tinggi di sekolah.
- 13.2 Menenalpasti tahap rungutan ketidakpuasan hati yang sering disuarakan oleh guru berkaitan aspek pengurusan / pelaksanaan beban tugas guru di sekolah dapat membantu menyelesaikan beban tugas guru.
- 1.3.3 Menenalpasti tahap tindakan pihak sekolah dalam mengurangkan rungutan ketidakpuasan hati guru.

1.5 Persoalan Kajian

Untuk memenuhi objektif kajian yang dinyatakan, beberapa persoalan telah dikemukakan bagi menjawab persoalan yang dikemukakan di dalam kajian ini.

- 1.3.1 Sejauhmanakah tahap beban tugas yang dilakukan oleh guru-guru dalam aspek pentadbiran dan pengurusan sekolah, pengajaran dan pengurusan kelas dan di dalam tugas sampingan?
- 13.2 Apakah tahap rungutan ketidakpuasan hati yang sering disuarakan oleh guru berkaitan pelaksanaan beban tugas guru di sekolah?
- 1.3.3 Apakah tahap tindakan pihak sekolah bagi mengurangkan rungutan ketidakpuasan hati guru?

1.6 Rational Kajian

Kecemerlangan pendidikan sememangnya bergantung kuat kepada peranan yang dimainkan oleh guru-guru. Melalui pendidikan sesebuah negara dapat mengorak langkah menuju kepada status negara maju. Mutu pendidikan juga turut bergantung kepada produktiviti dikalangan ahli pendidik.

Namun semua matlamat yang dirancang mungkin gagal dicapai sekiranya emosi guru-guru terganggu akibat daripada bebanan tugas guru yang terlalu banyak. Antara penyumbang kepada beban tugas guru ialah tugas-tugas sampingan yang dibebankan kepada guru, terutama tugas-tugas perkeranian. Punca-punca lain peningkatan beban tugas guru ialah pengagihan tugas yang tidak seimbang antara guru-guru, tugas sampingan yang diberikan secara mendadak dan perlu tindakan segera daripada guru-guru dan perubahan yang sering kali dibuat dalam sistem pendidikan negara kita. Selain itu, guru-guru juga perlu menyumbangkan idea dan tenaga untuk pelbagai aktiviti dan program di luar anjuran sekolah ataupun jabatan.

Apabila beban tugas guru dikurangkan, guru-guru boleh menumpukan perhatian terhadap tugas hakiki, iaitu pengajaran dan pembelajaran. Jadi hasil yang diharapkan oleh semua pihak terhadap usaha guru-guru melahirkan insan yang berkualiti dan mampu menjadi pemangkin negara pasti akan tercapai kerana guru hanya memfokuskan kepada P&P.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberi gambaran berkaitan fenomena profesion perguruan. Kajian ini adalah penting kepada guru-guru sekolah menengah, kepada pentadbir di peringkat sekolah dan penting juga di peringkat Jabatan Pelajaran. Kajian ini penting untuk mengenalpasti beban tugas guru di daerah Batu Pahat. Selain itu, diharap kajian ini dapat memberi peluang kepada guru-guru di daerah batu Pahat melahirkan rasa hati mereka terhadap tugas dan tanggungjawab yang terpaksa dilaksanakan. Hasil daripada kajian ini, penyelidik berharap dapat membantu kepada pihak-pihak yang memerlukan. Ia amat penting kepada:

1.7.1 Guru-guru

Maklumat ini dapat dijadikan panduan dan maklumat kepada para pendidik tentang cara menangani masalah bebanan tugas yang tiada berkesudahan. Ini kerana guru merasakan beban tugas yang diberikan kepada mereka tidak berpadanan dengan masa yang ada. Jadi melalui kajian yang dijalankan ini dapat memberikan mereka meluahkan rasa berkaitan dengan tugas sebagai seorang guru.

1.7.2 Pihak Pentadbir Sekolah

Maklumat ini dapat membantu pihak pentadbir sekolah merancang segala aktiviti yang melibatkan guru-guru di sekolah tersebut. Pihak pengurusan sekolah juga dapat memahami tanggungjawab guru yang besar dan masalah yang dialami oleh guru dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

1.7.3 Pihak Jabatan Pelajaran

Dapatan daripada maklumat yang diperolehi, boleh digunakan untuk membantu warga pendidik menguruskan rasa tertekan akibat beban kerja yang banyak. Selain itu,

Pihak Jabatan Pelajaran juga boleh merangka program-program yang bersesuaian kepada guru-guru dalam menangani masalah bebanan tugas yang semakin meruncing. Pemimpin pendidikan seterusnya dapat mengetahui perkembangan profesion pendidikan dan seterusnya dapat merancang dan menganjurkan kursus yang lebih berkesan. Apabila masalah bebanan tugas berjaya diuruskan, kesan positif pasti akan muncul dalam membantu guru-guru memperkasakan profesion perguruan.

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini membataskan kajian yang tidak terlalu luas supaya data yang diperolehi mudah dianalisis. Kajian ini dilaksanakan di beberapa buah sekolah di daerah Batu Pahat. Responden yang dipilih secara rawak berkelompok adalah seramai 280 orang guru sekolah menengah di daerah Batu Pahat. Tumpuan kajian adalah untuk melihat beban tugas yang dihadapi oleh guru di daerah Batu Pahat.

1.9 Definisi Konsep

Untuk memahami maksud sebenar bebanan tugas guru-guru, kita perlu merujuk dahulu maksud bagi istilah-istilah tersebut.

1.9.1 Beban tugas

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat (2007), perkataan asal bebanan ialah beban. Beban membawa maksud tanggungan (kewajiban) yang berat. Tugas pula merujuk kepada kewajiban sesuatu (kerja, tanggungjawab dan lain-lain) yang mesti dilaksanakan. Dalam

konteks kajian ini, pengkaji mentakrifkan beban tugas adalah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh seseorang guru yang mendapat kepercayaan pihak atasan. Beban tugas ini tertakluk kepada arahan daripada pihak pentadbir.

Beban tugas juga merujuk kepada jumlah masa seseorang guru untuk mengajar di kelas, masa yang diperuntuk untuk menyiapkan kerja-kerja sekolah atau tugas rasminya sebagai seorang guru sama ada di sekolah ataupun menggunakan masa di luar waktu sekolah.

Beban tugas juga boleh dirujuk sebagai satu bentuk tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh guru walaupun tanggungjawab ini tidak disenangi. Tugas-tugas ini termasuklah berkaitan pengajaran dan pembelajaran, aktiviti ko-kurikulum, pengurusan fail, mesyuarat dan apa-apa yang bersangkutan dengan tugas rasmi sebagai seorang guru sama ada di sekolah mahupun di luar sekolah. Beban tugas ini juga meliputi aktiviti yang tidak menekan kepada aktiviti bilik darjah tetapi mempunyai perkaitan dengan visi dan misi sekolah.

19.2 Rungutan Ketidakpuasan Hati Guru

Menurut Kamus Dewan (2007), rungutan ialah perbuatan merungut. Ia merujuk kepada tindakan berleter, gerutu mengomel atau sungut. Manakala merujuk kepada perkataan tidakpuas pula, membawa maksud menafi, menolak atau menghalang sesuatu perkara daripada terjadi. Tidakpuas hati pula merujuk kepada rasa tidak senang terhadap sesuatu perkara yang boleh menimbulkan kesan negatif kepada diri atau orang di sekeliling.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji mentakrifkan rungutan ketidakpuasan hati guru ialah guru-guru menyuarakan rasahati berkaitan bidang tugas mereka. Golongan pendidik ini menyatakan rasa kecewa mereka dalam bentuk sungutan atau omelan yang berkaitan beban tugas yang perlu mereka tanggung. Golongan guru terbeban dengan tugas yang semakin banyak dan tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya daripada mereka yang bertanggungjawab. Rungutan mereka biasanya disuarakan sesama rakan sejawat kerana rakan-rakan ini turut menghadapi masalah yang sama. Segelintir sahaja rungutan mereka ini disuarakan kepada pihak pentadbir.

1.10 Rumusan

Beban tugas yang banyak menimbulkan rasa ketidakpuasan hati dan keadaan tertekan kepada guru. Peranan guru ini bukan sahaja mengajar dan mendidik, tetapi juga dibebani dengan tugas-tugas yang tiada kaitan dengan P&P. Beban kerja ini turut ditambah apabila kerja itu perlu disiapkan segera. Dalam konteks kajian ini, beban tugas yang melampau pastinya memberi kesan kepada emosi dan kualiti seseorang guru.

Oleh itu, pelbagai pihak bertanggungjawab dalam membantu guru menangani masalah bebanan kerja yang dihadapi. Antara yang membantu mengurangkan bebanan tugas guru ialah Kementerian Pelajaran. Selain itu, peranan jabatan pendidikan dan pihak pentadbir sekolah juga diperlukan untuk memastikan kebajikan guru terbelas.

RUJUKAN

Abdullah Sani Yahya, Abdul Rashid Mohamed, Abdul Ghani Abdullah(2011). *Guru Sebagai Pemimpin*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.

Adilkurnia (2011). *Definisi Analisis Beban Kerja*. Dicapai Disember 13, 2011, daripada <http://adilkurnia.wordpress.com/2010/02/11/definisi-analisis-beban-kerja/>

Azizi Yahaya dan Shahrin Hashim (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Abd. Rahim (2000). *Wawasan Dan Agenda Pendidikan*. Kuala Lumpur:Utusan Publication And Distributors.

Ahmad Athory Hussain (1985). *Prinsip Pengurusan Di Sektor Awam Dan Swasta*. Kuala Lumpur: Utusan Publication And Distributors.

Ahmad Salleh (1980). Ke Arah Pendidikan Bermutu. *Pendidik Dan Pendidikan* 2(1); 20-35.

Arumugam (1975). *A Study of Teacher Role Conflic As Perceived By Pupil, Teacher And Principle*: Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.

Ayob Jantan (2004). *Pengetua sekolah Yang Efektif*. Pahang: PTS Publications And Distributors Sdn. Bhd.

Bahagian Pendidikan Guru (1982). *The philosophy of Teacher Education In Malaysia*.
Kementerian Pelajaran Malaysia.

Beban Tugas Guru (2012). Dicapai Februari 06,2012, daripada

<http://pengajianam900.Forumotion.com/t297-beban-tugas-guru>

Beban Tugas Guru Kini Membimbangkan (1995,Ogos 19). *Utusan Malaysia*.

Dicapai November 21,2011, daripada . <http://www.utusan.com.my>

Beban Tugas Guru Makin Meningkat (1988, September 6). *Utusan Malaysia*.

Dicapai Disember 13, 2011, daripada <http://www.utusan.com.my>

Beban Kerja Guru Perlu Dikaji semula (1995,Februari 13). *Utusan Malaysia*.

Dicapai Oktober 15, 2011, daripada <http://www.utusan.com.my>

Bukti Guru Terbeban Siri (1) (2011). Dicapai Disember 21, 2011, daripada

<http://www.mailarchive.com/harakahdaily@yahoo.com/msg02715.html>

Cara Tangani Stres Di Tempat Kerja (2012). *iSIHAT*. April 2012: ms. 47.

Characteritics. *Journal of Applied Psychology*. 1988. 55: 259-286

Chua, dan Yan, P. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan*. Mc Graw Hill Education.

Daeng Ramli Akil (1993). Guru Tertekan Akibat Beban Tugas. *Dewan Masyarakat*.

Februari 1993. ms 55-56.

Ee, Ah Meng (1992). *Pedagogi Satu Pendekatan Bersepadu*. Kuala Lumpur: Penerbit

Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Guru dibebani tugas berat – betul atau salah? (2011). Dicapai November 30, 2011, daripada

<http://eakhbar.penerangan.gov.my/eakhbar/berita/cetakberita.php?idk=304887>

Guru Empat Negeri Kerja 9 Jam 2012 (2012, Mei 17). *Utusan Malaysia*.

Dicapai Januari 3, 2012, daripada <http://www.utusan.com.my>

Guru Perlu Lakukan Tranformasi (2011, Januari 13). *Utusan Malaysia*. Dicapai

Februari 21, 2012, daripada <http://www.utusan.com.my>

Hackman. (1971). Employee Reaction To Job Characteristics. *Journal of Applied Psychology*. 55, 259-286.

Hadiah Hari Guru (2012, Mei 17). *Utusan Malaysia* . Dicapai Disember 30, 2011, daripada

<http://www.utusan.com.my>

Halimah Harun (2006). Minat, Motivasi dan Kemahiran Mengajar Guru Pelatih. *Jurnal pendidikan*. 3, 83-96.

Ibrahim Saad (1990). *Perubahan Pendidikan Di Malaysia Satu Cabaran*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Ibrahim Saad (1982). *Isu Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Malaysia Sdn. Bhd.

Ismail Abas (2008). *Peranan Guru Membina Murid Menghadapi Cabaran Wawasan 2020*. Selangor: Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Pendidikan Islam.

Isu beban tugas guru ditangani (2012, Januari 6). *Berita Harian*. Dicapai Januari 8, 2012 daripada <http://www.bharian.com.my>

Isu Beban Tugas Guru:Kenyataan Media / Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri

Selangor (2011). Dicapai Disember 19, 2011, daripada <http://btpn.sel.edu.my/main/2010/10/isu-beban-tugas-guru-kenyataan-media/>

Jabatan Perkhidmatan Awam (1991). *Pekeliling Perkhidmatan Pendidikan. Bil. 1*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Jawatankuasa Penerbitan Khas Fakulti Pendidikan (1993). *Pendidikan Di Malaysia: Arah Dan Cabaran*. Bil. 1. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kamarudin Kachar (1989). *Pendidikan Dan Masyarakat*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Teks Publishing sdn. Bhd.

Kamarudin Kachar (1989). *School Administration In Malaysia*. Kuala Lumpur: Teks Publishing sdn. Bhd.

Kamaruzaman Kamaruddin (2007). Tekanan kerja di kalangan guru sekolah menengah. *Jurnal Kemanusiaan*. 10, 104 - 116.

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2007). Edisi Keempat. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kekalkan integriti didik anak bangsa (2010, November 12) *Utusan Malaysia*.
Dicapai November 30, 2011, daripada <http://www.utusan.com.my/utusan/>

Kekalkan Integriti Guru dalam Pendidikan (2010, Jun 6). *Utusan Malaysia*.
Dicapai Mac 2, 2012, daripada <http://www.utusan.com.my>

Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). <http://www.moe.gov.my/?id=212>

- Khoo, Kay Kim (1980). *Pendidikan Di Malaysia Dahulu Dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Percetakan United Selangor Sdn. Bhd.
- Khuzaimah Sulaiman (2012). *Serlahkan Aura Guru Super*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Krejeie R. V. & Morgan. D. W. (1970) 'Determining Sample Size for Research' . *Educational and Psychological Measurement*. 30, 607-610.
- Kulanzsalleh (2011). *Beban Tugas Guru Akan Dikaji*. Dicapai Disember 21, 2011, Daripada [http:// kulanzsalleh. blogspot.com /2010/04/ beban-tugas-guru- akan-dikaji.html](http://kulanzsalleh.blogspot.com/2010/04/beban-tugas-guru-akan-dikaji.html)
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohammad Fuzi (1999). *Beban Tugas Guru KHB sekolah Menengah Di Daerah Kubang Pasu, Kedah Darul Aman*. Projek Sarjana Muda: UniversitiTeknologi Malaysia. Tidak Diterbitkan.
- Mohd. Fadzilah Kamsah & Muhammad Zakaria (2007). *Petua Menangani Stres*.Selangor: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Mohd. Sahandri Gani Hamzah (2012). *Amalan Penilaian Guru*. Kuala Lumpur: UTUSAN Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Yusoff Dagang (2002). *Pengaruh Beban Tugas Guru-Guru SMK. Seri Medan Terhadap Keberkesanan Proses Pengajaran. Kajian Kes di SMK Seri Medan, Batu Pahat, Johor*, Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda Pendidikan.

- Mohd. Ishak Mohd Ibrahim (1995). Pendidikan Dan Penggunaan Masa. *Dewan Masyarakat*. Julai 1995. ms. 15.
- Mok, Soon Sang (2010). *Pengurusan Bilik Darjah Dan Tingkah Laku*. Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd. 2010.
- Musa Daia (1989). *Kesan Saiz Sekolah Ke Atas Moral Guru dan Pencapaian Murid*. Tesis Dr. Tal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nafi Mat (2011). *Guru Kerjaya Yang saya Pilih Bukan Kerana Dipilih*. Kuala Lumpur: Tintaron Publications Sdn. Bhd.
- Norkiah Abdul Kadir (1980). *Hubungan Ketegangan Dan Kepuasan Kerja Di Kalangan Guru-Guru Di empat buah sekolah Di Kajang*. Latihan Ilmiah.B.A. (Hons).
- Nor Azizah Salleh (1988). *Job Satisfaction And Profesional Needs og College Trained Teachers In selangor, Malaysia And Its Implication For Continuing.Education*. Dissertation. Ph. D. Michigan State University.
- Nortini Awang (2002). *Beban Tugas Yang Dihadapi Oleh Guru-Guru Kemahiran Hidup Di sekolah Menengah. Satu Tinjauan Pengalaman Di Kalangan Pelajar PKPG 4SPH sesi 2001/2002 UTM*, Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Ijazah Sarjana Muda Pendidikan.
- Norziha (2009). *Engineering Statistics*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Noor Hassim Ismail, Zaharah Zainuddin & Mohd. Rizal Mohd. Zainal (2010). *Panduan Pengurusan stress Pekerjaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar Mohd Hashim (1993). *Pendidikan: Persoalan, Penyelesaian dan Harapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993.

- Omar Mohd Hashim (1980). *Peranan Guru Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ooi, Hon Bu (1991). *Satu Kajian Mengenai Jenis Tugas dan Beban Tugas Guru Di Empat Buah sekolah Di Kota Setar, Kedah Darul Aman*. Projek Sarjana Muda: Universiti Teknologi Malaysia.
- Palorsky, S.B. (1986). *900 Show Areas: A Look At Teaching From A Teachers Side Of The Desk*. New York: Random Horse.
- Pekeliling Perkhidmatan. Bil 11. Tahun 2007.
- Pekeliling Perkhidmatan. Bil 11, April 3, 2007.
- Pendidik. (2011). *Guru Jadi Kerani Sekolah?*. Dicapai Oktober 26, 2011, daripada <http://pendidikmy.net/2009/12/10/guru-jadi-kerani-sekolah/>
- Peranan guru jana transformasi pendidikan* (2011). Dicapai September 9, 2011, daripada http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0514&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_03.htm.
- Persidangan Pendidikan. Bil. 1, Mac 18, 1985.
- Punca Stres Guru Kian Meningkat. Dicapai , September 20, 2011, daripada. *Berita Harian*. ms 1,5.

- Rahimah Ahmad (1990). Peningkatan Produktiviti Guru: Saranan Dan Tindakan. *Konvensyen Pendidikan*. 3, 3-6.
- Raja Muda Mahu Guru Sedia Lakukan Transformasi Pendidikan* (2011). Dicapai November 30, 2011. <http://berita.nurizan.com/utusan/raja-muda-mahu-guru-sedia-lakukan-transformasi-pendidikan/>
- Rancangan Malaysia Ke-9 Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006- 2010*. (2011). Dicapai Disember 25, 2011, <http://www.scribd.com/doc/8527541/tanggungjawab-dan-peranan-guru>.
- Sabhita Begum (1998). Beban Tugas Guru Yang Semakin Berat. *Mastika*. Julai 1998, ms. 24-26.
- Shahbudin Ngah (1986). *Kajian Mengenai Tugas-Tugas Guru Sekolah Menengah Di Daerah Muar, Johor*. Tesis M. Ed. Universiti Malaya.
- Safiah Hj Shain (2006). Tahap Punca Tekanan dan Strategi Menangani Tekanan di Kalangan Guru-guru Sekolah Rendah di Daerah Kota Samarahan, Sarawak. *Jurnal Akademik*.1, 10-21.
- Sakinah Salleh (2010). *Majalah Pendidik : Guru Perlu Ada Motivasi*. Bil 76.
- Salwa Abu Bakar (1996). *Kajian Mengenai Beban Tugas Guru Sekolah Menengah Di Daerah Johor Bahru, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.
- Semak Semula Beban Tugas Guru (2005, Ogos 19). *Utusan Malaysia*. Dicapai Disember 21, 2011, daripada <http://www.utusan.com.my>

- Semak Semula Gaji Guru (2010, April 16). *Utusan Malaysia*. Dicapai Januari 15, 2012, daripada <http://www.utusan.com.my>.
- Shahril @ Charil Marzuki (1991). *Isu Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sistem guru bekerja Sembilan jam perlu dikaji semula: MAPIM*. (2011). Dicapai Mac 23, 2012. <http://www.theborneopost.com/2011/11/17/sistem-guru-bekerja-sembilan-jam-perlu-dikaji-semula-mapim/>
- SMSI (2005). *Menjana Kecerdasan Emosi*. Selangor: Penerbitan PCT Sdn. Bhd.
- Sufean Ahmad (2002). *Pendidikan Di Malaysia: Sejarah, Sistem Dan Falsafah*. Dlm: Nortini Awang . *Beban Tugas Yang Dihadapi Oleh Guru-Guru Kemahiran Hidup Di sekolah Menengah. Satu Tinjauan Pengalaman Di Kalangan Pelajar PKPG 4SPH sesi 2001/2002 UTM*, Universiti Teknologi Malaysia Tesis Sarjana Muda.
- Syed Sofian Syed Salim & Rohany Nasir (2010). Kesan Kecerdasan Emosi ke atas Tekanan Kerja dan Niat Berhenti Kerja Profesion Perguruan. *Jurnal e-Bangi*. 5, 53-65.
- Strebeck, W.R. (1980). *Relationship of Teacher Role Conflicts To Teaching Situation And Myers Briggs Personality Preference Type of Secondary Teachers*. Dissertation Abstracts International. 1(41-A), 54.
- Suffean Hussin (1996). *Pendidikan Di Malaysia: Sejarah, Sistem Dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Selangor.
- Terlalu Ramai Guru Wanita* (2010, Oktober 14). Dicapai Januari 14, 2012 daripada [http://www.myspace.com /cikgunon/blog/](http://www.myspace.com/cikgunon/blog/)

The Educational Planning And Research Division (1970). *Education In Malaysia*.
Selangor: Percetakan Abadi.

The Educational Planning And Research Division Ministry of Educational Malaysia
(1980). *Education In Malaysia*. Percetakan Abadi.

Tugas Pendidik Mencabar (1997, Januari 15). *Berita Harian*, ms. 1,3.

Zulkarnain Zakaria dan Hishamuddin Md. Som. *Analisis Data Menggunakan SPSS
Windows* (Edisi Pertama) (2001). Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

28 perakuan tangani isu beban tugas guru sedang dilaksanakan: TPM (2012). Dicapai
Mei 17, 2012, daripada <http://peraktoday.com/wp/?p=63565>.